

10 DEC 1999

Hon-Kepercayaan

DATUK HON MAHU BALAS KEPERCAYAAN

SEREMBAN, 10 Dis (Bernama) -- Setiausaha MCA Negeri Sembilan Datuk Hon Choon Kim yang dilantik Timbalan Menteri Pendidikan berkata beliau akan melaksanakan tugas sebaik mungkin sebagai membalas kepercayaan kepadanya walaupun tanggungjawab di kementerian itu berat.

Katanya pendidikan merupakan bidang yang luas dan semakin penting terutama dalam membentuk generasi pemikir dan berilmu untuk menentukan corak masa depan negara.

Dalam melangkah ke abad baru, penekanan dan penumpuan dalam melahirkan golongan cerdik pandai amat perlu, katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Hon, 51, yang merupakan ketua MCA Bahagian Seremban, mengekalkan kerusi Parlimen Seremban pada pilihan raya umum lepas dengan memperolehi 33,155 undi menewaskan Lee Peng Fee (DAP) yang mendapat 23,919 undi.

Beliau menyertai MCA pada 1976, dan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Lenggeng pada 1986 dan dilantik menjadi Exco negeri. Pada 1990 beliau mengekalkan kerusi DUN Lenggeng dan terus memegang jawatan Exco, sebelum bertanding dan memenangi kerusi Parlimen Seremban pada 1995.

Hon yang mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas kepercayaan terhadapnya berkata beliau sama-sekali tidak menduga akan dilantik ke jawatan itu.

Berdasarkan pengumuman oleh Dr Mahathir, katanya, Kementerian Pendidikan mempunyai menteri, dua timbalan menteri dan setiausaha Parlimen yang baru.

Katanya, beliau akan bekerjasama dan mendapatkan pandangan daripada semua mereka dalam melaksanakan tugas.

-- BERNAMA

AZ NMO